

# Pelaburan dan Dividen ASB/ASN Harus KENAPA PERLU DIPERTIKAIKAN?

**POLEMIK** pelaburan dalam Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) juga Skim Amanah Saham Nasional (ASN) yang dikendalikan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB), seolah-olah tiada noktah kesudahannya. Saban tahun, persoalan sama terus diangkat sehingga mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat Islam khasnya.



Isu halal atau haram pelaburan dalam ASB mahupun ASN, walaupun diulang berkali-kali penjelasannya, namun seakan tiada keyakinan untuk mempercayai apa yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), yang dilantik sebagai salah satu badan yang berautoriti untuk mengeluarkan sesuatu hukum mahupun fatwa.

Lebih malang, ijithad yang dibuat oleh MKI sejak 2008 tentang keharusan melabur dalam ASB mahupun ASN yang mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak dan faktor, secara total mahu ditolak sepenuhnya oleh pihak-pihak tertentu. Sekali gus, ia bukan sahaja menafikan peranan serta amanah yang telah diberikan kepada MKI, selaku badan yang berautoriti bahkan mengucirkan kepercayaan masyarakat Islam yang telah membuat pelaburan yang begitu banyak dalam kedua-dua skim tersebut.

Data terkini menunjukkan, sehingga Disember 2013, hampir 8.26 juta bumiputera - termasuk di dalamnya Melayu Islam, melabur dalam ASB dengan nilai pelaburan sebanyak RM127.26 bilion. Pun begitu, daripada jumlah tersebut, purata pelaburan pendeposit ialah RM15,405 dan 72 peratus daripada pemegang unit hanya memiliki RM554.

Sekali gus menunjukkan, sekali-pun dana terkumpul dalam skim ASB mencecah ratusan bilion ringgit namun lebih 70 peratus daripadanya hanya berupaya untuk melabur dalam jumlah yang kecil. Ia juga secara tidak langsung membuktikan, penggunaan bumiputera yang majoritinya bangsa Melayu Islam, dalam ekonomi negara masih rendah dan meruncing berbanding kaum-kaum lain terutamanya bangsa Cina hatta India.

Hal ini dikuahkan dengan data-data yang

tercatat dalam buku bertajuk *The Colour Of Inequality Ethnicity, Class, Income and Wealth In Malaysia*, tulisan Muhammed Abdul Khaled yang menunjukkan pada tahun 2008, peratus bumiputera yang mendapat pendapatan di bawah RM1000 sebanyak 79 peratus. Berbanding kaum Cina, ia hanya 13.4 peratus dan India, 7.6 peratus. Bahkan secara keseluruhannya dilaporkan, 42 peratus bumiputera, kebanyakannya berpendapatan kurang RM2,000.

Sementara itu ditinjau daripada sudut pendapatan isi rumah bumiputera pada tahun 2012 menunjukkan, kumpulan etnik bumiputera masih 'menjuara' skor terendah dengan secara puratanya berpendapatan sebanyak RM4,457 sedangkan kaum Cina sebanyak RM6,366 dan India RM5,233.

Itu belum lagi mengambil kira soal pemilikan ekuiti sektor korporat berbanding etnik-etnik yang ada di negara ini. Muhammed Abdul Khaled dalam tulisannya menunjukkan data-data yang 'menggerunkan' apabila etnik bumiputera hanya memiliki 19.4 peratus berbanding bukan bumiputera sebanyak 49.9 peratus dengan pecahan, etnik Cina menguasai 42.4 peratus, India 1.1 peratus dan lain-lain sebanyak 0.4 peratus. Lebih menakutkan, perbezaan ekuiti sektor korporat yang dikuasai oleh bangsa asing di negara ini melebihi peratus pemilikan bumiputera dengan jumlah 30.1 peratus.

Tidak cukup dengan itu, Muhammed Abdul Khaled mendedahkan, dalam soal pemilikan bangunan-bangunan komersial menunjukkan perbezaan yang jauh ketara. Pada tahun 2005, peratusan pemilikan bangunan-bangunan komersial mencatatkan, etnik Cina menguasai lebih 70 peratus berbanding bumiputera, kurang daripada 15 peratus. Manakala pemilikan kompleks perniagaan, etnik bumiputera jauh ketinggalan berbanding etnik Cina dengan hanya kurang 15 peratus berbanding 70 peratus. Dan pemilikan bangunan hotel pula, data menunjukkan, bumiputera memiliki lebih kurang 15 peratus berbanding Cina 70 peratus, perbezaan sebanyak 55 peratus.

Ternyata daripada data-data tersebut membuktikan, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1971 bagi tujuan meningkatkan penguasaan 30 peratus ekuiti oleh kaum bumiputera serta mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera, sehingga ke hari ini masih belum tercapai. Perbezaan jurang yang terlalu besar ini, sewajarnya dikhuatiri.

Berbalik pada persoalan keharusan melabur dalam skim amanah yang ditawarkan oleh PNB/ASN yang menguruskhan sebilangan skim dana amanah, dan keseluruhannya oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera, ternyata keputusan yang dibuat oleh MKI ada atasnya.

Sekalipun tidak dinafikan, wujud pelaburannya yang bercampur-campur dalam pelbagai sektor dan melibatkan pegangan ekuiti dalam perbankan konvensional, Maybank, PNB mempunyai alasan yang kukuh untuk berbuat demikian. Dengan dana pelaburan

yang besar, tiada bank berdasarkan Islam yang mempunyai saiz sebesar Maybank boleh menggantikan bank tersebut dalam portfolio pelaburan PNB/ASN.

Hal ini diakui oleh Mufti Perak, Tan Sri Dr. Harussani Zakaria apabila ditemui di pejabatnya. Ujarnya, dengan

jumlah dana yang besar, mencecah ratusan bilion ringgit, menyebabkan ketidakmampuan institusi kewangan Islam lain untuk menampungnya. Dalam

hal ini, PNB tiada pilihan lain melainkan melaburkannya dalam perbankan konvensional, Maybank. Jika tidak, dana yang dimiliki oleh bumiputera dan majoritinya milik bangsa Melayu Islam, tidak berkembang. Natijahnya, orang Melayu Islam akan kekal miskin di tanah air sendiri. Dan hal ini setelah mengambil kira pelbagai pandangan, keperluan, serta kedudukan ekonomi umat Islam di negara ini,

mendapat, sekiranya tiada sebarang usaha dilakukan, ia boleh mendatangkan kemudarat yang lebih besar

khususnya pada kedudukan ekonomi bangsa Melayu Islam. Lemahnya penguasaan ekonomi bangsa Melayu Islam mengakibatkan lemahnya kedudukan Islam di negara ini. Justeru bagi mengatasi permasalahan ini, akhirnya MKI bersidang dan memutuskan hal sedemikian dikategorikan sebagai darurat ammah (darurat yang melibatkan kepentingan umum).

Pun begitu ada syarat tertentu yang diletakkan iaitu dalam masa yang sama, PNB perlu melantik jawatankuasa panel syariahnya supaya perkembangan pelaburannya akan dipantau secara kerap dan berterusan. Hakikatnya hal ini telah pun dilaksanakan oleh PNB apabila telah menubuhkan panel syariahnya sejak 2008 lagi. Begitu juga PNB harus memastikan, usaha untuk mengurangkan peratusan modal pasaran yang tidak patuh syariah dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.



Tan Sri Dr. Harussani Zakaria

Oleh NOR SHAMSINOR BAHARIN



...WALAPUN SAIZ INSTRUMEN PASARAN MODAL ISLAM DI MALAYSIA ADALAH BESAR TETAPI SAIZ PERBANKAN ISLAM BELUM CUKUP BESAR UNTUK MENAMPUNG SAIZ PELABURAN ASB.